



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)

www.gaexcellence.com/ijmoe



KEBERKESANAN LAMAN WEB FIQHUP SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN DIGITAL PENDIDIKAN ISLAM

THE EFFECTIVENESS OF THE FIQHUP WEBSITE AS A DIGITAL LEARNING MEDIUM FOR ISLAMIC EDUCATION

Amirrul Zaqwan Abd Rashid¹, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail², Ahmad Awis Al-Qiranni
Ahmad Tamrin³, Muhammad Irfan Azahari⁴, Amar Daniel Ibrahim⁵, Muhd Hilmi Azhari⁶,
Mohd Alif Arif⁷

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) Malaysia

 zaqwanrashid@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0009-3129-4308>

² Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA)

 woasaiuddin@unisza.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>

³ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

 aawisqirani@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-4105-4862>

⁴ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

 irfanzahari80@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-5072-8267>

⁵ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

 amardanie4@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-6253-4478>

⁶ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

 hilmimuhdazhari@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0002-2035-9574>

⁷ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

 mohdalif3012@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0003-8125-7683>

Article Info:

Article history:

Received date: 12.01.2026

Revised date: 29.01.2026

Accepted date: 15.02.2026

Published date: 04.03.2026

To cite this document:

Abd Rashid, A. Z., Ismail, W. O. A. S. W, Ahamd Tamrin, A. A. A. A., Azahari, M. I., Ibrahim, A. D., Azhari, M. H., & Arif, M. A. (2026). Keberkesanan Laman Web Fiqhup Sebagai Medium Pembelajaran Digital Pendidikan Islam. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 567-583.

DOI: 10.35631/IJMOE.829034

Abstrak:

Kemajuan teknologi digital telah mengubah corak pembelajaran masa kini, termasuk dalam bidang Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran tradisional yang bergantung sepenuhnya kepada buku teks didapati kurang menarik minat pelajar serta kurang bersifat interaktif dalam penyampaian konsep fiqh. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai keberkesanan laman web FiqhUp sebagai medium pembelajaran digital dalam meningkatkan kefahaman pelajar serta menyokong pengajaran fiqh oleh guru. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik berskala Likert lima mata yang melibatkan 127 orang responden, terdiri daripada pelajar dan guru sekolah menengah di daerah Kuala Nerus. Populasi kajian adalah seramai 200 orang dan pemilihan sampel adalah berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970). Instrumen kajian merangkumi empat komponen utama, iaitu tahap penggunaan, persepsi keberkesanan, kebolehaksesan dan penerimaan pengguna. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan nilai min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan dan penerimaan terhadap FiqhUp berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.92, SP = 0.58). Sebanyak 88% responden bersetuju bahawa FiqhUp mudah digunakan, mesra pengguna dan berupaya meningkatkan pemahaman fiqh melalui bahan pembelajaran yang interaktif serta tersusun. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran turut dikenal pasti, antaranya capaian internet yang tidak stabil, perbezaan tahap kemahiran digital serta ketersediaan peranti. Kesimpulannya, FiqhUp merupakan platform pembelajaran digital yang berkesan dalam konteks Pendidikan Islam dan berpotensi untuk diperkembangkan dengan sokongan infrastruktur teknologi serta latihan berterusan kepada pengguna. Implikasi kajian ini membuktikan bahawa integrasi digital mampu memperkukuh pengajaran fiqh dalam konteks pendidikan abad ke-21 dan menyokong pembelajaran aktif serta berpusatkan pelajar.

Kata Kunci:

FiqhUp, Pembelajaran Digital, Pendidikan Islam, Penerimaan Pengguna, Kebolehaksesan

Abstract:

The advancement of digital technology has significantly transformed contemporary learning practices, including in the field of Islamic Education. However, traditional teaching methods that rely solely on textbooks are often less engaging for students and lack interactivity in delivering fiqh concepts. Therefore, this study aims to evaluate the effectiveness of the FiqhUp website as a digital learning medium in enhancing students' understanding and supporting teachers in fiqh instruction. This study employed a quantitative approach using a five-point Likert scale questionnaire involving 127 respondents, consisting of secondary school students and teachers in the Kuala Nerus district. The study population comprised 200 individuals, and the sample size was determined based on Krejcie and Morgan's (1970) table. The research instrument consisted of four main components: level of usage, perceived effectiveness, accessibility, and user acceptance. Data were analysed using descriptive statistics, including mean scores and standard deviations. The findings indicate that the level of usage and

acceptance of FiqhUp is moderately high ($M = 3.92$, $SD = 0.58$). A total of 88% of respondents agreed that FiqhUp is easy to use, user-friendly, and enhances their understanding of fiqh through well-structured and interactive learning materials. Nevertheless, several challenges were identified, including unstable internet access, variations in digital literacy levels, and limited availability of digital devices. In conclusion, FiqhUp is an effective digital learning platform in the context of Islamic Education and has strong potential for further development with adequate technological infrastructure and continuous user training. The findings of this study demonstrate that digital integration can strengthen fiqh instruction within the 21st-century educational context.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keywords:

FiqhUp, Digital Learning, Islamic Education, User Acceptance, Accessibility

Pendahuluan

Perkembangan teknologi digital yang semakin pesat telah membawa perubahan besar dalam dunia pendidikan, termasuk dalam bidang Pendidikan Islam. Perubahan ini bukan sahaja mempengaruhi cara maklumat disampaikan, malah turut mengubah cara pelajar belajar dan berinteraksi dengan kandungan pembelajaran. Pelajar masa kini, khususnya generasi digital, lebih cenderung menggunakan medium berasaskan teknologi kerana sifatnya yang interaktif, fleksibel dan mudah diakses. Penggunaan teknologi secara terancang dan beretika mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih berkesan, di samping meningkatkan motivasi serta penglibatan aktif pelajar dalam bilik darjah (Siti Mariam Sukis, 2023). Tambahan pula, teknologi digital membolehkan bahan pembelajaran disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti animasi, audio, video dan grafik, sekali gus membantu pelajar memahami isi pembelajaran dengan lebih jelas dan menarik.

Walau bagaimanapun, realiti pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran tradisional masih menjadi amalan utama, khususnya dalam Pendidikan Islam. Penggunaan buku teks sebagai sumber utama pembelajaran sememangnya penting kerana kandungannya tersusun dan selari dengan kurikulum. Namun begitu, kaedah ini didapati kurang berkesan dalam menarik minat pelajar masa kini yang sudah biasa dengan persekitaran digital dan pembelajaran interaktif. Keadaan ini menyebabkan sebahagian pelajar kurang memberi tumpuan, kurang terlibat secara aktif, dan melihat PdP Pendidikan Islam sebagai bersifat pasif. Pada masa yang sama, guru turut berdepan dengan cabaran untuk menyesuaikan kaedah pengajaran sedia ada dengan keperluan pelajar abad ke-21 yang menuntut pendekatan lebih kreatif, dinamik dan berpusatkan pelajar (Zainab Hussin, 2021). Oleh itu, wujud keperluan yang jelas untuk menyediakan satu platform pembelajaran digital yang mampu menyokong keperluan guru dan pelajar secara seimbang.

Kajian-kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa penggunaan elemen digital seperti animasi, grafik dan multimedia dalam PdP mampu meningkatkan minat, tumpuan serta motivasi pelajar. Elemen-elemen ini membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan

dan bermakna, sekali gus menjadikan penyampaian pengajaran lebih sistematik dan mudah difahami. Apabila pelajar terlibat secara aktif melalui bahan interaktif, mereka bukan sahaja lebih fokus, malah mampu memahami konsep yang dipelajari dengan lebih mendalam dan berkesan (Nur Zafirah Abidin, 2024). Integrasi teknologi juga memberi ruang kepada guru untuk menyediakan bahan pengajaran yang lebih fleksibel dan pelbagai, manakala pelajar mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih relevan dan mudah diingati.

Dalam konteks Pendidikan Islam, walaupun sumber utama pembelajaran tetap berpaksikan al-Quran dan al-Hadis, kaedah penyampaian ilmu perlu disesuaikan dengan keperluan semasa. Pendekatan pengajaran yang bersifat satu hala dan statik tidak lagi mencukupi untuk menarik minat serta mengekalkan penglibatan pelajar. Sehubungan itu, pembangunan laman web FiqhUp dilaksanakan sebagai satu inisiatif untuk menyediakan platform pembelajaran digital yang interaktif, mesra pengguna dan mudah diakses. Platform ini direka bagi membantu guru menyampaikan PdP dengan lebih kreatif, di samping memudahkan pelajar memahami dan mengukuhkan pembelajaran melalui latihan sendiri, bahan multimedia dan aktiviti interaktif. Selain itu, ruang interaksi dua hala yang disediakan membolehkan pelajar mengemukakan soalan dan menerima maklum balas secara langsung, sekali gus menyokong proses pembelajaran yang lebih berkesan dan berterusan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penggunaan, persepsi terhadap keberkesanan serta kebolehgunaan platform FiqhUp dalam kalangan pelajar dan guru sekolah menengah. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara penggunaan platform digital tersebut dengan tahap motivasi pembelajaran pelajar dalam Pendidikan Islam. Selain itu, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan asas kepada cadangan penambahbaikan agar FiqhUp terus relevan dan berkesan dalam menyokong PdP Pendidikan Islam abad ke-21. Secara keseluruhannya, kajian ini dijangka dapat memberi sumbangan positif kepada amalan pengajaran guru, meningkatkan pemahaman pelajar, serta menyokong pembangunan Pendidikan Islam yang lebih digital, kreatif dan berkesan. Dengan itu, FiqhUp diharapkan dapat menjadi medium pembelajaran digital yang praktikal, menyeluruh dan selari dengan keperluan pendidikan masa kini.

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penggunaan laman web FiqhUp dalam kalangan pelajar dan guru sekolah menengah. Kajian ini juga bertujuan menganalisis persepsi responden terhadap kebolehgunaan dan keberkesanan laman web FiqhUp sebagai medium pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti hubungan antara tahap penggunaan laman web FiqhUp dengan motivasi pembelajaran pelajar.

Sorotan Kajian

Pembelajaran berpandukan perisian khusus multimedia merupakan satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan, khususnya sejak pelaksanaan konsep Sekolah Bestari di Malaysia. Menurut Siti Fadzilah Mat Noor dan Shereena Mohd Arif (2002), pengenalan pendekatan ini bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan negara melalui pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sejak diperkenalkan, pendekatan pembelajaran berasaskan multimedia telah berkembang secara berperingkat dan digunakan secara meluas di sekolah sebagai usaha menyesuaikan sistem pendidikan dengan perubahan teknologi dan keperluan pembelajaran

moden. Pendekatan ini dilihat selari dengan tuntutan pendidikan abad ke-21 yang menekankan penggunaan teknologi sebagai medium sokongan utama dalam menyampaikan ilmu secara lebih berkesan dan bermakna.

Kehadiran teknologi multimedia telah membawa perubahan yang ketara terhadap kaedah PdP, khususnya dari segi hubungan dan interaksi antara guru dan pelajar. Jika sebelum ini pengajaran lebih bersifat sehalu dan berpusatkan guru, penggunaan multimedia telah membuka ruang kepada pendekatan yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar. Teknologi multimedia merangkumi gabungan pelbagai elemen seperti teks, grafik, audio, video dan animasi dalam satu perisian atau platform pembelajaran. Gabungan elemen-elemen ini membolehkan maklumat disampaikan dengan lebih jelas, menarik dan mudah difahami. Melalui penggunaan multimedia, guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai maklumat, malah sebagai pemudah cara yang membimbing pelajar meneroka kandungan pembelajaran secara aktif. Pada masa yang sama, pelajar berpeluang terlibat secara langsung dalam pembelajaran melalui aktiviti interaktif, penerokaan sendiri dan maklum balas segera yang disediakan oleh perisian multimedia.

Kajian terdahulu juga mendapati bahawa penggunaan multimedia dalam PdP mampu mengurangkan rasa jemu dan bosan dalam kalangan pelajar. Gaya persembahan yang menarik serta elemen interaktif yang disediakan dapat mengekalkan tumpuan pelajar dalam tempoh yang lebih lama. Apabila pelajar berasa seronok dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran, motivasi mereka untuk belajar akan meningkat. Keadaan ini mendorong pelajar untuk memberi perhatian, berani bertanya soalan dan lebih bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran. Secara tidak langsung, penggunaan multimedia membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih positif dan kondusif.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menunjukkan bahawa integrasi teknologi multimedia dalam PdP memberi impak yang positif terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan multimedia bukan sahaja membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih kreatif dan tersusun, malah memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik, interaktif dan bermakna kepada pelajar. Oleh itu, penerapan teknologi multimedia dalam pendidikan wajar terus diperkasakan agar selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 serta menyokong usaha membangunkan sistem pendidikan yang lebih progresif, relevan dan berdaya saing.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan (survey research design) bagi mendapatkan data empirikal mengenai tahap penerimaan, keberkesanan, dan penggunaan laman web FiqhUp sebagai platform PdP dalam kalangan pelajar dan guru sekolah menengah harian di daerah Kuala Nerus. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai dalam mengukur tingkah laku pembelajaran, sikap, dan persepsi pengguna terhadap teknologi pendidikan secara objektif.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar dan guru yang berkhidmat di sekolah menengah harian sekitar daerah Kuala Nerus. Pemilihan responden adalah berdasarkan persetujuan penyertaan dan kesediaan mereka untuk terlibat dalam kajian ini.

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi kajian yang berjumlah 200 orang, bilangan sampel yang sesuai dan mencukupi untuk mewakili populasi tersebut ialah seramai 127 orang responden, yang telah berjaya dikumpulkan.

Jadual 1 Menunjukkan Pecahan Sampel Kajian Mengikut Kategori.

Kategori Responden	Bilangan	Peratus (%)
Pelajar tingkatan 3	123 orang	96.85%
Guru Pendidikan Islam	4 orang	3.15%
Jumlah	127 orang	100%

Berdasarkan Jadual 1, daripada populasi kajian seramai 200 orang, sejumlah 127 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian selaras dengan cadangan Krejcie dan Morgan (1970). Majoriti responden terdiri daripada pelajar Tingkatan 3, iaitu seramai 123 orang atau 96.85%, manakala selebihnya melibatkan 4 orang guru Pendidikan Islam yang mewakili 3.15% daripada keseluruhan sampel. Agihan sampel ini menunjukkan penekanan kajian terhadap perspektif pelajar sebagai pengguna utama platform pengajaran dan pembelajaran, di samping mengambil kira pandangan guru bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan penggunaan laman web FiqhUp dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik dibangunkan secara digital menggunakan Google Form dan merangkumi empat bahagian utama:

Bahagian A: Maklumat Demografi

Bahagian A soal selidik ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat demografi responden bagi mendapatkan gambaran umum tentang latar belakang mereka. Maklumat yang dikumpulkan merangkumi umur dan jantina responden, serta status mereka sama ada sebagai pelajar atau guru. Selain itu, bahagian ini turut meneliti kekerapan penggunaan internet dalam kehidupan seharian bagi memahami tahap pendedahan responden terhadap teknologi digital. Pengalaman responden dalam menggunakan aplikasi pembelajaran dalam talian juga dikumpulkan bagi menilai tahap kebiasaan dan penglibatan mereka dengan pembelajaran berasaskan teknologi. Maklumat demografi ini penting sebagai asas untuk menganalisis perbezaan dan kecenderungan responden berdasarkan latar belakang masing-masing dalam kajian ini.

Bahagian B: Tahap Penggunaan FiqhUp

Bahagian B soal selidik ini bertujuan untuk menilai tahap penggunaan aplikasi FiqhUp dalam kalangan responden. Bagi tujuan pengukuran, skala Likert lima mata digunakan, iaitu 1 mewakili *Tidak Pernah*, 2 *Jarang*, 3 *Kadang-kadang*, 4 *Kerap* dan 5 *Sangat Kerap*. Item-item dalam bahagian ini menilai kekerapan responden menggunakan laman web FiqhUp bagi menyemak topik-topik berkaitan Pendidikan Islam, khususnya sebagai sumber rujukan pembelajaran. Selain itu, bahagian ini turut meneliti penggunaan FiqhUp sebagai medium sokongan semasa proses ulang kaji dan persediaan menghadapi peperiksaan. Dapatan daripada bahagian ini penting bagi mengenal pasti sejauh mana aplikasi FiqhUp dimanfaatkan dalam konteks pembelajaran Pendidikan Islam.

Bahagian C: Persepsi Keberkesanan & Kebolehgunaan

Bahagian C soal selidik ini bertujuan untuk menilai persepsi responden terhadap keberkesanan dan kebolehgunaan platform FiqhUp sebagai medium pembelajaran. Skala Likert lima mata digunakan bagi mengukur tahap persetujuan responden, iaitu 1 merujuk kepada *Sangat Tidak Setuju*, 2 *Tidak Setuju*, 3 *Tidak Pasti*, 4 *Setuju* dan 5 *Sangat Setuju*. Item-item dalam bahagian ini menilai sejauh mana kandungan laman web FiqhUp mudah difahami serta kesesuaiannya dengan silibus Pendidikan Islam. Selain itu, aspek penggunaan animasi, grafik dan elemen multimedia turut dinilai bagi melihat peranannya dalam meningkatkan fokus dan keberkesanan pembelajaran. Bahagian ini juga meneliti tahap motivasi responden untuk belajar melalui platform digital seperti FiqhUp. Dapatan daripada bahagian ini penting bagi menilai keberkesanan FiqhUp sebagai alat sokongan pembelajaran yang mesra pengguna dan berimpak positif terhadap pengalaman pembelajaran responden.

Bahagian D: Maklum Balas Terbuka

Bahagian D soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terbuka daripada responden berkaitan pengalaman mereka menggunakan platform FiqhUp. Soalan-soalan dalam bahagian ini memberi peluang kepada responden untuk menyatakan pandangan secara bebas mengenai bahagian atau ciri FiqhUp yang paling membantu dalam proses pembelajaran mereka. Selain itu, responden juga diminta mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap laman web FiqhUp dari segi kandungan, reka bentuk, fungsi atau elemen pembelajaran yang lain. Maklum balas kualitatif yang diperoleh melalui bahagian ini penting bagi memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang kelebihan dan kekurangan platform FiqhUp serta menjadi asas kepada penambahbaikan pada masa hadapan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kajian rintis dijalankan ke atas 20 responden awal dan menghasilkan nilai Cronbach's Alpha = 0.89, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat baik dan konsisten. Panel pakar (2 pensyarah Pendidikan Islam) turut menilai kandungan soal selidik, menjadikan instrumen ini sah dari segi kesesuaian item terhadap objektif kajian.

Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini dimulakan dengan memperoleh kebenaran rasmi daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Nerus bagi memastikan pelaksanaan kajian mematuhi garis panduan dan etika penyelidikan yang ditetapkan. Setelah kebenaran diperoleh, borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar dan guru melalui kod QR serta pautan digital bagi memudahkan akses dan penyertaan. Proses pengumpulan data dijalankan dalam tempoh 14 hari bagi memberi masa yang mencukupi kepada responden untuk memberikan maklum balas secara menyeluruh dan teratur. Data yang dikumpulkan sepanjang tempoh ini seterusnya dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kaedah Analisis Data

Analisis Deskriptif

Jadual 2 digunakan untuk mengukur min, peratusan dan sisihan piawai.

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kebolehgunaan laman web			
Keberkesanan PdP			
Minat terhadap pembelajaran digital			

Berdasarkan Jadual 2 di atas, jadual ini memaparkan analisis deskriptif bagi tiga pembolehubah utama yang dikaji, iaitu kebolehgunaan laman web, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta minat terhadap pembelajaran digital. Setiap pembolehubah dihuraikan berdasarkan nilai min dan sisihan piawai yang diperoleh daripada responden, bagi menggambarkan tahap persepsi umum pengguna terhadap aspek-aspek tersebut. Analisis ini membantu menunjukkan gambaran awal tentang sejauh mana laman web digunakan, keberkesanannya dalam PdP, serta kecenderungan pengguna terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan digital.

Analisis Inferensi

Ujian-t Sampel Bebas

Jadual 3 Digunakan Untuk Melihat Perbezaan Persepsi Antara Pelajar Dan Guru.

Kumpulan Perbandingan	Nilai p	Keputusan
Pelajar vs Guru		

Berdasarkan Jadual 3 di atas, bahagian ini membentangkan keputusan ujian-t sampel bebas yang dijalankan bagi menilai perbezaan persepsi antara dua kumpulan responden, iaitu pelajar dan guru, terhadap pembolehubah yang dikaji. Ujian ini digunakan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan yang signifikan dari sudut kebolehgunaan laman web, keberkesanan PdP,

dan minat terhadap pembelajaran digital antara kedua-dua kumpulan. Melalui analisis ini, penyelidik dapat mengenal pasti sama ada perbezaan yang diperoleh berlaku secara kebetulan atau benar-benar wujud dalam populasi, seterusnya menyokong kesimpulan yang lebih tepat mengenai penerimaan dan keberkesanan penggunaan laman web sebagai medium PdP.

Ujian Korelasi Pearson

Jadual 4 Digunakan Untuk Melihat Hubungan Antara Kekerapan Penggunaan Dan Motivasi Pembelajaran.

Pembolehubah	r	Interpretasi
Kekerapan penggunaan ↔ Motivasi		

Berdasarkan Jadual 4 di atas, bahagian ini memaparkan keputusan ujian korelasi Pearson yang digunakan bagi menentukan hubungan antara pembolehubah yang dikaji, khususnya hubungan antara kekerapan penggunaan laman web dan tahap motivasi pembelajaran responden. Ujian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada kedua-dua pembolehubah mempunyai hubungan yang positif, negatif atau tiada hubungan langsung. Melalui analisis ini, penyelidik dapat melihat sejauh mana peningkatan dalam penggunaan laman web berkait dengan perubahan motivasi pelajar terhadap pembelajaran digital, sekali gus memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan laman web sebagai alat sokongan pembelajaran.

Pertimbangan Etika

Semua responden memberikan persetujuan termaklum, data dirahsiakan, penyertaan bersifat sukarela dan bebas ditarik diri pada bila-bila masa.

Hasil & Perbincangan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data kuantitatif yang diperoleh daripada 127 orang responden yang terdiri daripada pelajar dan guru sekolah menengah harian di daerah Kuala Nerus. Analisis dijalankan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi bagi menjawab objektif kajian berkaitan tahap penggunaan, persepsi keberkesanan, dan hubungan penggunaan laman web FiqhUp terhadap motivasi pembelajaran.

Profil Responden

Seramai 127 orang responden terlibat sebagai sampel dalam kajian ini, yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3 dan guru. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 96.85%, merupakan pelajar, manakala selebihnya sebanyak 3.15% terdiri daripada guru. Komposisi responden ini menunjukkan bahawa data kajian lebih banyak mencerminkan persepsi kumpulan sasaran utama pengguna laman web FiqhUp, iaitu pelajar sekolah menengah, khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Tahap Penggunaan Laman Web FiqhUp

Analisis statistik deskriptif menunjukkan tahap penggunaan laman web FiqhUp dalam kalangan responden adalah pada tahap tinggi.

Jadual 5 Menunjukkan Skor Penggunaan Laman Web Fiqhup Berdasarkan Kekerapan Interaksi Pelajar Dan Guru.

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kekerapan penggunaan	4.09	0.71	Tinggi
Kesesuaian sebagai platform pembelajaran	4.24	0.66	Tinggi
Kebiasaan menggunakan platform digital	4.52	0.49	Sangat Tinggi

Berdasarkan Jadual 5 di atas, skor min tertinggi ($M=4.52$) menunjukkan majoriti responden selesa dengan penggunaan platform pembelajaran dalam talian, sekaligus mengesahkan bahawa pembelajaran berasaskan teknologi selari dengan keperluan generasi pelajar masa kini.

Berdasarkan hasil perbincangan kajian, tahap penggunaan laman web FiqhUp dalam kalangan responden berada pada tahap tinggi hingga sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kesediaan yang baik dalam menggunakan platform pembelajaran berasaskan teknologi. Menurut Davis (1989), tahap penerimaan pengguna terhadap sesuatu sistem teknologi dipengaruhi oleh persepsi terhadap kemudahan penggunaan dan keberkesanan sistem tersebut. Sehubungan itu, skor min yang tinggi bagi penggunaan laman web FiqhUp mencerminkan bahawa platform ini dianggap mudah digunakan serta berkesan sebagai medium pembelajaran, sekali gus menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara digital.

Persepsi Terhadap Kebolehgunaan dan Keberkesanan FiqhUp

Dapatan seterusnya menilai persepsi responden terhadap aspek reka bentuk, navigasi, kandungan, dan fungsi interaktif dalam laman web.

Jadual 6 Merupakan Hasil Analisis Yang Menunjukkan Keseluruhan Persepsi Pengguna Berada Pada Tahap Tinggi Hingga Sangat Tinggi.

Aspek Dinilai	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kemudahan navigasi	4.33	0.58	Tinggi
Kejelasan dan kualiti nota	4.40	0.55	Tinggi
Elemen multimedia (audio, animasi, kuiz)	4.19	0.64	Tinggi
Mesra pengguna (user-friendly)	4.31	0.62	Tinggi
Keberkesanan PdP	4.18	0.70	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6 di atas, secara keseluruhannya skor purata min ialah 4.28 ($SD=0.62$), menunjukkan bahawa FiqhUp memenuhi ciri pedagogi digital yang berkesan, menarik dan mudah digunakan oleh pengguna.

Berdasarkan hasil perbincangan kajian, persepsi responden terhadap aspek reka bentuk, navigasi, kandungan dan fungsi interaktif laman web FiqhUp berada pada tahap tinggi hingga sangat tinggi, dengan skor purata min keseluruhan sebanyak 4.28 (SD = 0.62). Dapatan ini menunjukkan bahawa elemen seperti kemudahan navigasi, kejelasan kandungan nota serta penggunaan multimedia menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang positif dan berkesan. Menurut Siti Fadzilah Mat Noor dan Shereena Mohd Arif (2002), integrasi elemen multimedia dan reka bentuk yang mesra pengguna dalam persekitaran pembelajaran digital mampu meningkatkan kefahaman, minat serta keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, skor min yang tinggi bagi semua aspek yang dinilai membuktikan bahawa laman web FiqhUp memenuhi ciri pedagogi digital yang berkesan serta sesuai digunakan sebagai sokongan pembelajaran Pendidikan Islam.

Perbezaan Persepsi antara Pelajar dan Guru

Analisis inferensi menggunakan ujian-t sampel bebas dilakukan bagi mengenal pasti sama ada wujud perbezaan signifikan antara pelajar dan guru terhadap keberkesanan laman web FiqhUp. Keputusan menunjukkan nilai $p = 0.041 < 0.05$, yang bermaksud terdapat perbezaan signifikan. Guru mencatatkan skor min yang lebih tinggi ($M=4.36$) berbanding pelajar ($M=4.21$), menunjukkan guru lebih melihat potensi FiqhUp sebagai alat bantu mengajar yang menyokong objektif PdP secara formal dan sistematik.

Hubungan antara Tahap Penggunaan dan Motivasi Pembelajaran

Jadual 7 Menunjukkan Analisis Korelasi Pearson Dijalankan Bagi Melihat Hubungan Antara Tahap Penggunaan Laman Web Fiqhup Dengan Motivasi Pembelajaran Responden.

Pembolehubah	Pekali Korelasi (r)	Interpretasi
Penggunaan ↔ Motivasi	$r = 0.67$	Hubungan positif sederhana-kuat

Berdasarkan Jadual 7 di atas, dapatan ini menunjukkan bahawa semakin kerap responden menggunakan laman web FiqhUp, semakin meningkat tahap motivasi mereka terhadap pembelajaran Pendidikan Islam. Hubungan ini memberi gambaran bahawa elemen interaktif, visual dan akses mudah memberi kesan positif terhadap minat serta penglibatan pelajar.

Berdasarkan hasil perbincangan kajian, Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif sederhana hingga kuat yang signifikan antara penggunaan dan motivasi ($r = 0.67$, $p < 0.05$). Dapatan ini membuktikan bahawa peningkatan kekerapan penggunaan laman web pembelajaran berkait secara langsung dengan peningkatan motivasi pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Menurut Abidin (2024), penggunaan aplikasi dan platform digital yang bersifat interaktif, mudah diakses serta menarik dari segi visual berupaya meningkatkan minat dan motivasi pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, hubungan positif yang signifikan ini menunjukkan bahawa laman web FiqhUp berpotensi menjadi medium pembelajaran yang efektif dalam merangsang motivasi serta penglibatan pelajar secara berterusan.

Dapatan Analisis Soalan Terbuka

Daripada maklum balas kualitatif ringkas, tiga tema utama dikenal pasti:

Jadual 8 Menunjukkan Penerimaan Positif Terhadap Fiqhup, Namun Masih Wujud Permintaan Untuk Ciri Digital Tambahan.

Tema Utama	Bilangan Responden (n)	Contoh Petikan Responden
Membantu pemahaman topik	75	“Saya lebih cepat faham sebab nota ringkas dan contoh jelas.” – Pelajar Tingkatan 3
Mesra pengguna dan menarik	31	“Reka bentuk laman web mudah digunakan, tak serabut.” – Guru
Cadangan penambahbaikan	21	“Tambah lebih banyak video bab fiqh dan game kuiz.” – Pelajar Tingkatan 3

Berdasarkan Jadual 8 di atas, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas positif terhadap penggunaan laman web FiqhUp. Tema utama yang paling dominan ialah membantu pemahaman topik, diikuti oleh aspek mesra pengguna dan menarik, manakala sebahagian responden turut mengemukakan cadangan penambahbaikan seperti penambahan video dan elemen permainan kuiz. Dapatan ini menggambarkan bahawa FiqhUp bukan sahaja menyokong pemahaman pembelajaran, malah mempunyai potensi untuk diperkukuhkan melalui penambahan ciri digital interaktif.

Berdasarkan hasil perbincangan kajian, maklum balas kualitatif responden menunjukkan bahawa laman web FiqhUp berperanan membantu meningkatkan kefahaman pelajar melalui penyampaian kandungan yang ringkas, jelas dan mudah diakses. Menurut Sanmugam et al. (2019), penggunaan teknologi pendidikan yang mengintegrasikan elemen interaktif dan visual dapat meningkatkan penglibatan serta pengalaman pembelajaran pelajar secara lebih bermakna. Oleh itu, penerimaan positif terhadap aspek mesra pengguna dan reka bentuk yang menarik, di samping cadangan penambahbaikan yang dikemukakan, menunjukkan bahawa FiqhUp mempunyai asas yang kukuh sebagai platform pembelajaran digital serta berpotensi untuk terus ditambah baik selaras dengan keperluan pengguna.

Rumusan Hasil Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan laman web FiqhUp dalam kalangan pelajar dan guru berada pada tahap yang tinggi, sekali gus mencerminkan penerimaan yang baik terhadap integrasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, FiqhUp turut dinilai sebagai sebuah platform pembelajaran digital yang berkesan, khususnya dalam menyokong proses pembelajaran yang lebih sistematik, interaktif dan berpusatkan pengguna. Analisis kajian juga mendapati wujud perbezaan signifikan dari segi persepsi antara pelajar dan guru terhadap penggunaan laman web tersebut, di mana guru menunjukkan tahap penilaian yang lebih tinggi berbanding pelajar. Seterusnya, penggunaan laman web FiqhUp didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan motivasi pembelajaran, yang menandakan peranannya dalam meningkatkan minat dan keterlibatan pengguna dalam pembelajaran. Secara tuntasnya, dapatan ini membuktikan bahawa FiqhUp berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu platform pembelajaran digital yang relevan, berkesan dan selari dengan keperluan serta cabaran pendidikan masa kini.

Kesimpulan

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa laman web FiqhUp mempunyai potensi yang besar untuk berfungsi sebagai platform pembelajaran digital yang berkesan dalam Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah. Tahap penerimaan dan penggunaan FiqhUp yang tinggi dalam kalangan pelajar dan guru memperlihatkan bahawa platform ini selari dengan keperluan pembelajaran generasi masa kini yang lebih cenderung kepada penggunaan teknologi digital dan pembelajaran secara interaktif. Pelajar didapati selesa menggunakan FiqhUp sebagai medium pembelajaran, manakala guru pula melihat platform ini sebagai satu sokongan yang praktikal dalam melaksanakan pengajaran yang lebih terancang dan berkesan.

Dapatan kajian melalui analisis deskriptif menunjukkan bahawa aspek kebolegunaan, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta minat terhadap pembelajaran digital berada pada tahap tinggi hingga sangat tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa reka bentuk laman web yang mesra pengguna, kandungan yang tersusun dengan baik, serta pendekatan penyampaian yang jelas telah memberi pengalaman pembelajaran yang positif kepada pengguna. Pelajar dapat menggunakan platform ini secara sendiri tanpa menghadapi kesukaran yang ketara, manakala guru pula dapat memanfaatkan bahan yang disediakan untuk menyokong perancangan dan pelaksanaan PdP di dalam dan di luar bilik darjah. Keadaan ini menunjukkan bahawa FiqhUp bukan sahaja mudah digunakan, malah berupaya menyokong pembelajaran yang lebih bermakna dan berstruktur.

Hasil ujian inferensi pula menunjukkan wujud perbezaan signifikan dalam persepsi antara pelajar dan guru terhadap penggunaan FiqhUp, di mana guru memberikan penilaian yang lebih tinggi berbanding pelajar, khususnya dari segi potensi pedagogi platform tersebut. Perbezaan ini boleh dikaitkan dengan pengalaman dan kefahaman guru terhadap kelebihan teknologi digital dalam menyokong pengajaran jangka panjang. Guru cenderung menilai FiqhUp sebagai satu alat pedagogi yang berkesan untuk memperkayakan strategi pengajaran, manakala pelajar lebih menilai platform ini berdasarkan pengalaman penggunaan, tahap keseronokan dan daya tarikan kandungan. Walaupun begitu, kedua-dua kumpulan responden secara umum

menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan FiqhUp dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana kuat antara kekerapan penggunaan FiqhUp dengan tahap motivasi pembelajaran pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan platform digital ini secara konsisten mampu meningkatkan minat, penglibatan dan kesungguhan pelajar dalam mempelajari Pendidikan Islam. Apabila pelajar diberikan peluang untuk mengakses bahan pembelajaran secara fleksibel, mengulangkaji topik mengikut kadar pembelajaran sendiri, serta menggunakan bahan yang lebih interaktif, mereka cenderung untuk lebih bermotivasi dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Keadaan ini sekali gus menyokong pembelajaran sendiri dan menggalakkan pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Dapatan daripada soalan terbuka turut menyokong hasil analisis kuantitatif apabila majoriti pelajar dan guru menyatakan bahawa FiqhUp merupakan platform yang mesra pengguna, interaktif dan membantu pemahaman topik secara lebih sistematik. Responden berpendapat bahawa susunan kandungan yang jelas serta penyampaian maklumat yang teratur memudahkan mereka memahami isi pelajaran. Pada masa yang sama, terdapat juga cadangan penambahbaikan yang dikemukakan, seperti penambahan video pembelajaran, kuiz interaktif dan elemen multimedia yang lebih pelbagai. Cadangan-cadangan ini mencerminkan keperluan untuk penambahbaikan berterusan agar FiqhUp dapat terus memenuhi keperluan pengguna dan mengekalkan minat pelajar terhadap pembelajaran digital.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan FiqhUp bukan sahaja menyokong pelajar dalam pembelajaran sendiri, malah membantu guru melaksanakan pengajaran yang lebih menarik, terancang dan berkesan. Integrasi teknologi digital melalui platform ini didapati mampu meningkatkan kualiti pembelajaran Pendidikan Islam, merangsang motivasi pelajar serta menggalakkan penglibatan aktif dalam proses PdP. Dengan sokongan infrastruktur teknologi yang mencukupi, latihan yang sesuai kepada pengguna serta usaha penambahbaikan yang berterusan, FiqhUp berpotensi untuk dijadikan sebagai medium pembelajaran rasmi atau platform sokongan dalam sistem pendidikan negara. Potensi ini selari dengan keperluan pendidikan masa kini yang menuntut pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel, inovatif dan relevan dengan generasi digital.

Penghargaan:	Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, penyelidikan ini dapat disempurnakan. Penghargaan disampaikan kepada Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, para pensyarah, rakan penyelidik, dan semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan, dan pandangan ilmiah. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga atas dorongan moral yang berterusan sehingga kajian ini berjaya diselesaikan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini serta pembangunan platform pembelajaran digital FiqhUp. Penghargaan khusus ditujukan kepada pensyarah penyelia, Dr. W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail, atas bimbingan, nasihat serta sokongan berterusan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada para guru Pendidikan Islam, pelajar sekolah menengah serta semua responden yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam pengumpulan data kajian ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau geran khusus daripada mana-mana agensi awam, komersial atau badan bukan berasaskan keuntungan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)
Pernyataan Etika:	Kajian ini dilaksanakan selaras dengan prinsip dan peraturan etika penyelidikan yang ditetapkan. Semua responden telah dimaklumkan dengan jelas mengenai tujuan kajian dan memberikan persetujuan sebelum penyertaan. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan mereka berhak menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Kerahsiaan maklumat responden dijamin sepenuhnya, dan semua data yang dikumpulkan digunakan hanya bagi tujuan akademik dan penyelidikan.

Pernyataan

Sumbangan Penulis:

Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis A mengendalikan bahagian keputusan dan perbincangan, menyediakan jadual dan carta bagi menyokong kandungan artikel serta menyusun idea. Penulis B bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan kajian, penyeliaan keseluruhan penyelidikan serta memberi panduan akademik sepanjang proses kajian dijalankan. Penulis C menyumbang kepada analisis maklumat, membantu memastikan ketepatan isi serta terlibat dalam semakan kandungan. Penulis D menyumbang kepada sorotan literatur, menulis draf awal artikel dan menyelaraskan keseluruhan kandungan. Penulis E menyumbang kepada sorotan literatur serta memberi cadangan topik, sudut pandang dan input penting untuk mengukuhkan isi artikel. Penulis F bertanggungjawab terhadap penulisan bahagian pengenalan, menyemak tatabahasa dan struktur ayat serta memastikan artikel jelas dan tersusun. Penulis G bertanggungjawab terhadap metodologi kajian serta mengumpul maklumat, fakta dan rujukan daripada sumber yang relevan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Abdul Suhid, Ahmad Munawar Ismail, Mohd Sabri Sahrir, & Ahmad Ezzat Mohamad. (2015). Pendidikan untuk semua dalam sistem pendidikan Islam. *International Journal of Education and Training*, 1(2), 1–7.
- Ahmad Haziq Mohd Noor. (2024). Penggunaan aplikasi E-Doa dalam pengajaran Bahasa Arab KAA. *Jurnal Al-Sirat*, 24(2), 15–29.
- Ahmad Wafi Syakhrani, Fathiyah Fathiyah, Fitriah Janah, & Fauziyyah Fauziyyah. (2022). Sistem pendidikan di Malaysia. *Educational Journal: General and Specific Research*, 2(2), 320–327.
- Ali Afif, & Mohd Zalnur. (2024). Pendidikan Islam di Malaysia: Isu dan cabaran semasa. *Jurnal Kolaboratif Sains*, 7(1), 322–33.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach* (4th ed.). SAGE Publications.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Maniam Sanmugam, Norhidayah Jamiat, & Wan Aida J. W. Yahaya (Peny.). (2019). *Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Mohd Hisham A. Rashid, & Mohd Narowi. (2021). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 150–162.
- Noraini Ghazali. (2016). Pendidikan Islam di Malaysia: Analisis kepentingan penghayatan mazhab Syafi ‘i. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 1–12.
- Nur Hidayah A. Rahman, & G. A. G. Piragasam. (2024). Penilaian keberkesanan pembelajaran interaktif i-Zoo. *Journal of Research, Innovation, and Strategies for Education*, 1(2), 31–48.
- Nur Zafirah Abidin. (2024). Pembangunan kebolegunaan serta tahap minat dan motivasi pelajar terhadap penggunaan aplikasi gamifikasi. *Jurnal Pendidikan Digital Malaysia*, 6(1), 45–58.
- Siti Fadzilah Mat Noor, & Shereena Mohd Arif. (2002). Multimedia dalam pendidikan: Konsep dan aplikasi Sekolah Bestari. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 27, 89–102.
- Siti Mariam Sukis, Norhidayah Muhamad, & Azhar Hadi Borham. (2023). Amalan pentaksiran alternatif digital Guru Pendidikan Islam. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 44–57.
- Siti Nur Syahirah Hasan. (2015). Laman web al-Durar al-Saniyyah: Aplikasi dan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran hadis. *Ma ‘ālim al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 10(11), 85–98.
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS Quarterly*, 27(3), 425–478.
- Zainab Hussin, & Rohani Ali. (2021). Laman web sebagai tarikan masa kini dan masa depan dalam pengajaran Pendidikan Islam. Dalam *Future Education in Global Challenges* (ms. 552–560).